



KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERSATUAN

30 OGOS 2018

CBP MEMERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2018 SK SERI IMPIAN

1. Co-opbank Persatuan (CBP) dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Seri Impian telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2018 di Dataran Sekolah Kebangsaan Seri Impian pada 30 Ogos 2018.
2. Tetamu kehormat yang hadir adalah ADUN Penanti, YB Dr. Norlela Binti Ariffin; Pengerusi CBP, Tuan Haji Kamari Zaman Bin Juhari bersama 3 Anggota Lembaga; Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Encik Mohd Nor Bin Abd. Razak dan Ketua Pegawai Kewangan CBP, Encik Ahmad Nizar Bin Rashikin.
3. Majlis telah dirasmikan oleh ADUN Penanti, YB Dr. Norlela Binti Ariffin dan objektif utama majlis ini adalah untuk meraikan Hari Kemerdekaan kali ke-61 di samping mengeratkan hubungan dan kerjasama dua hala antara CBP dan warga sekolah.
4. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti formasi kereta guru, pakaian beragam, deklamasi sajak dan lain-lain. Selain itu, seluruh persekitaran sekolah dimeriahkan dengan perhiasan bertemakan Jalur Gemilang di mural dinding, tiang parking, 61 tayar terpakai dan sebagainya.
5. Turut disediakan adalah sudut aktiviti yang menempatkan perhiasan dan pengisian dengan pelbagai program seperti basikal berhias, tayangan video patriotik, persembahan murid seperti pakaian beragam, deklamasi sajak, nyanyian patriotik dan lain-lain.

6. Sekolah Kebangsaan Seri Impian secara rasminya telah menjadi sekolah angkat CBP Cawangan Butterworth pada 10 Ogos 2018. Sehingga Julai 2018, CBP mempunyai 39 buah sekolah angkat diseluruh negara bagi menjalinkan hubungan kerjasama strategik dan memberi bantuan serta pendedahan kepada warga pendidik dan para pelajar dalam aspek pengurusan kewangan.

Mengenai Co-opbank Persatuan

Co-opbank Persatuan (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada 15 September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai Co-opbank/Bank Koperasi dan menjadi Co-opbank Pertama di Malaysia. CBP mempunyai 20 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan produk Pembiayaan, Ar-Rahnu, Deposit, Syer Keanggotaan serta Takaful dan Wasiat kepada Individu, Koperasi, Badan Korporat, Agensi Kerajaan, dan Swasta. Maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

- Tamat-

Jabatan Perancangan Strategik dan Komunikasi Korporat Co-opbank Persatuan

Mohd Faiz Othman
Pegawai Hal Ehwal Korporat
faiz@cbp.com.my
03-2604 0704 (ext 126)

Afiqah Zulkafri
Pegawai Hal Ehwal Korporat
afiqah.zulkafri@cbp.com.my
03-2604 0704 (ext 127)